

**PERWATAKAN PELAKU PEMBANGUNAN
BERTERASKAN ISLAM BERDASARKAN
TAMTHĪLIYYĀT AL-QUR'AN:
KAJIAN TAFSIR *AL-MAWDŪ'ĪY***

NURUL FARHANA BINTI YAHAYA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**PERWATAKAN PELAKU PEMBANGUNAN
BERTERASKAN ISLAM BERDASARKAN
TAMTHĪLIYYĀT AL-QUR'AN:
KAJIAN TAFSIR *AL-MAWDŪ'ĪY***

oleh

NURUL FARHANA BINTI YAHAYA

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2022

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat, *tābi'in*, *tābi' al-tābi'in* serta sesiapa sahaja yang komited mengikuti jejak langkah mereka sehingga ke hari kiamat.

Penyelidik amat bersyukur ke hadrat Allah SWT yang mempermudah kerja-kerja penulisan tesis ini. Alhamdulillah, penulisan tesis bertajuk Perwatakan Pelaku Pembangunan Berteraskan Islam Berdasarkan *Tamthīliyyāt* Al-Qur'an: Kajian Tafsir *Al-Mawḍū'iy* dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Mudah-mudahan diri ini mampu menjadi manusia yang bermanfaat untuk Agama, bangsa dan Negara.

Jutaan terima kasih dirakamkan kepada pelbagai pihak yang telah memberi bantuan dan pertolongan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Pertama sekali kepada penyelia saya, Dr. Mohd Shukri Hanapi yang sedikitpun tidak jemu dalam membimbing, memberi tunjuk ajar, menasihati, memberi semangat dan dorongan serta cadangan-cadangan sepanjang kajian ini dijalankan. Juga penyelia bersama, Dr. Shereeza Mohamed Saniff yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan. Segala sumbangan mereka berdua hanya Allah SWT yang mampu membalas dengan sebaik-baik ganjaran.

Kedua, jutaan terima kasih kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) yang sentiasa menjadi tempat rujukan saya. Kepakaran dan sikap mesra para pensyarah ISDEV memberi manfaat kepada penulisan kajian ini.

Ketiga, sekalung penghargaan kepada pakar-pakar yang dirujuk iaitu Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dan Profesor Madya Dr. Sukki Othman yang meluangkan masa bagi berkongsi ilmu untuk kajian ini.

Keempat, kepada sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan di ISDEV, USM, iaitu Dr. Siti Mastura Muhammad, Norashikin Ahmad, Dr. Shahirah Said, Dr. Kasimah Kamaruddin dan yang lain-lain tidak disebutkan nama. Mereka yang sering

mendoakan, memberikan kata-kata semangat serta bantuan yang berharga kepada saya selama proses penghasilan tesis ini.

Akhir sekali, penghargaan yang teristimewa buat almarhum ayahanda saya Hj. Yahaya Hj. Ahmad yang banyak memberi sokongan dan motivasi sepanjang hayatnya juga bonda Hjh. Fatahiyah Hj. Othman atas doa dan restu. Tidak lupa buat adik beradik atas sokongan dan dorongan yang diberikan. Teristimewa juga buat suami tercinta, Muhammad Fadhil bin Abdullah yang sentiasa berkorban dan memahami tugas sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN.....	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI.....	xv
ABSTRAK.....	xvi
ABSTRACT.....	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Pembangunan dan Pelakunya	2
1.2.2 <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Pelaku PBI.....	15
1.3 Pernyataan Masalah.....	16
1.4 Objektif Kajian.....	18
1.5 Persoalan Kajian.....	19
1.6 Definisi Operasional.....	20
1.6.1 Perwatakan.....	21
1.6.2 Pembangunan Berteraskan Islam (PBI).....	22
1.6.3 Pelaku PBI	26
1.6.4 <i>Tamthīliyyāt</i> (Perumpamaan)	31
1.6.5 Tafsir <i>al-Mawḍū‘iy</i>	32
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	34
1.8 Kepentingan Kajian	36

1.9	Sumbangan Kajian	36
1.10	Organisasi Tesis	37
1.11	Rumusan	39
BAB 2	KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA	40
2.1	Pendahuluan	40
2.2	Kajian-Kajian Lepas	40
2.2.1	Kajian Berkaitan Manusia Dalam PBI	41
2.2.2	Kajian Pelaku Pembangunan dalam al-Qur'an	45
2.2.3	Kajian Berkaitan <i>Tamthīliyyāt</i> al-Qur'an	47
	2.2.3(a) Kajian Berkaitan <i>Tamthīliyyāt</i> al-Qur'an Secara Am.	46
	2.2.3(b) Kajian Berkaitan <i>Tamthīliyyāt</i> Manusia Dalam al-Qur'an	51
2.2.4	Kajian Kaedah Tafsir <i>Al-Mawḍū 'iy</i>	53
2.3	Analisis Kajian Lepas	54
2.4	Sorotan Karya	56
2.4.1	Perwatakan Pelaku Pembangunan	56
	2.4.1(a) Perwatakan Pelaku Pembangunan Lazim.	56
	2.4.1(b) Perwatakan Pelaku PBI	59
2.4.2	Konsep <i>Tamthīliyyāt</i>	65
2.5	Analisis Sorotan Karya	69
2.6	Kerangka Konseptual	71
2.7	Rumusan	73
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	74
3.1	Pendahuluan	74
3.2	Reka Bentuk Kajian	74
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	77

3.3.1	Sumber Pengumpulan Data.....	79
3.3.1(a)	Sumber Utama.....	79
3.3.1(b)	Sumber Primer.....	82
3.3.1(c)	Sumber Sekunder.....	85
3.3.2	Kaedah Pemilihan Ayat-Ayat Al-Qur'an.....	86
3.3.2(a)	Kriteria dan Ciri-ciri Kriteria Ayat.....	86
3.3.2(b)	Pemilihan Ayat-Ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Pelaku Pembangunan.....	88
3.3.3	Pengesahan Kumpulan Pakar (Informan Temu Bual)	90
3.3.3(a)	Pengesahan Kriteria Ayat dan Ciri-Ciri Kriteria Ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Pelaku pembangunan.....	90
3.4	Kaedah Penganalisan Data	93
3.5	Rumusan	100
BAB 4	PROFIL AYAT-AYAT <i>TAMTHĪLIYYĀT</i> PERWATAKAN PELAKU PEMBANGUNAN DALAM AL- QUR'AN.....	101
4.1	Pendahuluan.....	101
4.2	Ayat-Ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Pelaku Pembangunan Dalam Al- Qur'an.....	101
4.2.1	Taburan Ayat-ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Dalam al-Qur'an.....	102
4.2.2	Dapatan Pengesahan Ayat-ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Pelaku Pembangunan.....	110
4.2.3	Senarai Ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Pelaku Pembangunan Yang Dipilih Sebagai Sampel Kajian.....	112
4.3	Tema-Tema Ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Pelaku Pembangunan Dalam Al-Qur'an.....	113
4.3.1	Golongan Yang Beriman	113
4.3.2	Golongan Yang Munafik	114
4.3.3	Golongan Yang Tidak Beriman	115

4.4	Rumusan.....	116
BAB 5 PERWATAKAN PELAKU PEMBANGUNAN BERDASARKAN TAMTHĪLIYYĀT AL-QUR’AN..... 117		
5.1	Pendahuluan.....	117
5.2	Tema Perwatakan Pelaku Pembangunan Dalam <i>TamthĪliyyāt</i> Al-Qur’an	117
5.2.1	Golongan Manusia Yang Beriman.....	117
	5.2.1(a) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Benih Bercambah.....	116
	5.2.1(b) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Kebun Yang Subur.....	123
	5.2.1(c) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Orang Buta dan Celik.....	127
	5.2.1(d) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Pohon Yang Kuat.....	132
5.2.2	Golongan Manusia Yang Munafik.....	134
	5.2.2(a) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Unggun Api Yang Terpadam.....	135
	5.2.2(b) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Kayu Yang Tersandar.....	138
5.2.3	Golongan Manusia Yang Tidak Beriman.....	141
	5.2.3(a) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Batu Licin.....	142
	5.2.3(b) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Ajakan Ternakan.....	146
	5.2.3(c) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Batu Yang Keras.....	149
	5.2.3(d) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Kerasukan Syaitan.....	152
	5.2.3(e) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Angin dan Debu Yang Memusnahkan.....	158
	5.2.3(f) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Mendaki Langit.....	162
	5.2.3(g) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Anjing.....	166
	5.2.3(h) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Haiwan Ternakan.....	169
	5.2.3(i) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Menadah Air Sambil Tangan Terbuka.....	180
	5.2.3(j) <i>TamthĪliyyāt</i> Dengan Pokok Yang Lemah.....	183

5.2.3(k)	<i>Tamthīliyyāt</i> Dengan Merombak Pintalan.....	185
5.2.3(l)	<i>Tamthīliyyāt</i> Dengan Negara Aman Yang Ditimpa Musibah.....	189
5.2.3(m)	<i>Tamthīliyyāt</i> Manusia Dengan Lalat.....	192
5.2.3(n)	<i>Tamthīliyyāt</i> Manusia Dengan Jatuh Dari Langit.....	195
5.2.3(o)	<i>Tamthīliyyāt</i> Dengan Fatamorgana.....	198
5.2.3(p)	<i>Tamthīliyyāt</i> Dengan Sarang Labah-labah.....	200
5.2.3(q)	<i>Tamthīliyyāt</i> Dengan Keldai.....	203
5.3	Rumusan.....	206
BAB 6	PEMBINAAN PERWATAKAN IDEAL PELAKU PBI BERDASARKAN <i>TAMTHĪLIYYĀT</i> AL-QUR'AN.....	207
6.1	Pendahuluan.....	207
6.2	Perwatakan Ideal Pelaku PBI Berdasarkan <i>Tamthīliyyāt</i> Al-Qur'an	207
6.2.1	Berakidah Islam	208
6.2.2	Dermawan.....	215
6.2.3	Beretika.....	219
6.2.4	Bermanfaat.....	224
6.2.5	Berintegriti.....	228
6.2.6	Berwawasan.....	234
6.3	Rumusan.....	237
BAB 7	PENUTUP	238
7.1	Pendahuluan.....	238
7.2	Rumusan Dapatan Utama Kajian.....	238
7.3	Implikasi Kajian Dan Cadangan Dasar	245
7.3.1	Implikasi Terhadap Bidang Ilmu	245
7.3.2	Implikasi Terhadap Penggubal Dasar	245

7.3.3 Implikasi Terhadap Pelaku PBI.....	247
7.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan.....	247
7.4.1 Subjek Kajian	247
7.4.2 Sampe1 Kajian.....	248
7.4.3 Skop Analisis Kajian	249
7.5 Kesimpulan	249
BIBLIOGRAFI.....	251
LAMPIRAN	
SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Perbezaan Tasawur PBI dengan PL.....	5
Jadual 1.2 Hubungkait Objektif Kajian Dengan Persoalan Kajian.....	20
Jadual 3.1 Ringkasan Sumber Primer.....	84
Jadual 3.2 Kriteria Serta Ciri-Ciri Kriteria Ayat <i>Tamthīlyyāt</i> Perwatakan Pelaku Pembangunan.....	87
Jadual 3.3 Senarai Pakar Bagi Pengesahan Kriteria Ayat dan Ciri-Ciri Kriteria Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> Perwatakan Pelaku PBI.....	91
Jadual 3.4 Pengesahan Kriteria Ayat dan Ciri-Ciri Kriteria Ayat <i>Tamthīlyyāt</i> Perwatakan Pelaku Pembangunan.....	92
Jadual 3.5 Ringkasan Objektif Kajian, Persoalan Kajian, Reka Bentuk Kajian, Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Analisis Data.....	98
Jadual 4.1 Taburan Populasi Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> al-Qur'an.....	102
Jadual 4.2 Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> Mengikut Kriteria dan Ciri-ciri Ayat.....	111
Jadual 4.3 Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> al-Qur'an Golongan Yang Beriman.....	114
Jadual 4.4 Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> al-Qur'an Tentang Golongan Munafik.....	114
Jadual 4.5 Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> al-Qur'an Tentang Golongan Yang Tidak Beriman.....	115
Jadual 5.1 Surah-surah yang Mengandungi Perkataan <i>al-An 'ām</i> dalam al- Qur'an.....	170
Jadual 6.1 Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> Perwatakan Berakidah.....	208
Jadual 6.2 Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> Perwatakan Dermawan.....	215
Jadual 6.3 Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> Perwatakan Beretika.....	219
Jadual 6.4 Ayat-ayat <i>Tamthīlyyāt</i> Perwatakan Bermanfaat.....	224

Jadual 6.5	Ayat-ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Berintegriti.....	229
Jadual 6.6	Ayat-ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Berwawasan.....	234
Jadual 7.1	Senarai Ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Pelaku Pembangunan Dalam al-Qur'an.....	240
Jadual 7.2	Senarai Ayat <i>Tamthīliyyāt</i> Perwatakan Pelaku pembangunan Untuk Dianalisis.....	241
Jadual 7.3	Dapatan Utama Kajian.....	244

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Statistik Tangkapan Rasuah di Malaysia.....	13
Rajah 2.1 Kerangka Konseptual Kajian.....	72
Rajah 3.1 Pemilihan Ayat-ayat <i>Tamthiliyyāt</i> Perwatakan Pelaku pembangunan.....	89

SENARAI SINGKATAN

a.s.	<i>'Alayh al-Salām</i>
AS	Amerika Syarikat
Bil.	Bilangan
CKA	Ciri-ciri Kriteria Ayat
Dlm	Dalam
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
Ed.	Seorang Editor
Eds.	Dua Orang Editor atau Lebih
Hlmn	Halaman
IKIM	Institut Kemajuan Islam Malaysia
ISDEV	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JIM	Jabatan Jabatan Imigresen
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
Jum.	Jumlah
KA	Kriteria Ayat
KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
No.	Nombor
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBI	Pembangunan Berteraskan Islam
PDRM	Polis Di Raja Malaysia
PL	Pembangunan Lazim
r.a.	<i>Raḍiya Allāh 'anh</i>

Samb.	Sambungan
SAW	<i>Ṣalla Allāh ‘alayh wa Sallām</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SWT	<i>Subḥānah wa Ta ‘ālā</i>
t.t.	Tanpa Tahun
Terj.	Terjemahan
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
ṭ	ط	-	ا
ẓ	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ḥ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ه	s	س
’	ء	sy	ش
y	ي	ṣ	ص
t	ة	d	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	ـَ	ā	آ	ay	أَيَّ
i	ـِ	ī	إِي	aw	أُو
u	ـُ	ū	أُو		

Sumber : *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

PERWATAKAN PELAKU PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM

BERDASARKAN *TAMTHĪLIYYĀT* AL-QUR'AN:

KAJIAN TAFSIR *AL-MAWDŪ'ĪY*

ABSTRAK

Manusia merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan. Tanpa manusia, pembangunan tidak dapat dilaksanakan sama ada pembangunan lazim (PL) atau pembangunan berteraskan Islam (PBI). Walau bagaimanapun, fungsi manusia dalam kedua-dua pembangunan ini berbeza. Manusia dalam PBI mempunyai fungsi khusus selaku hamba dan khalifah. Apabila fungsi berbeza, maka sudah tentu perwatakan manusia sebagai pelaku pembangunan juga berbeza. Namun, perkara yang sedang berlaku dan dialami adalah pelaku pembangunan yang tidak dibangunkan mengikut ciri-ciri yang terdapat dalam al-Qur'an. Ini dibuktikan dengan salah laku manusia seperti kes rasuah, bunuh diri dan sebagainya. Oleh itu, sebuah perwatakan pelaku pembangunan perlu dibentuk untuk mendorong manusia mengamalkan apa yang terkandung dalam al-Qur'an dan Hadis selaku sumber wahyu dari Allah SWT. Kajian ini meneroka salah satu gaya bahasa al-Qur'an iaitu *tamthīliyyāt* (perumpamaan) yang mengajak manusia untuk berfikir dan membentuk perwatakan yang ideal. Persoalannya, apakah ayat-ayat *tamthīliyyāt* yang berkaitan dengan perwatakan pelaku pembangunan? Apakah golongan-golongan yang disebutkan dalam *tamthīliyyāt* al-Qur'an? Bagaimanakah perwatakan dari *tamthīliyyāt* mampu membentuk perwatakan ideal pelaku PBI? Berdasarkan persoalan ini, maka kajian ini cuba mengkaji perwatakan pelaku PBI yang ideal daripada al-Qur'an. Ia dilakukan secara tafsir *al-mawḍū'iy* bagi mencapai tiga objektif kajian. Pertama, mengenal pasti ayat-ayat yang mempunyai *tamthīliyyāt*

tentang perwatakan pelaku pembangunan dalam al-Qur'an. Kedua, menganalisis perwatakan pelaku PBI berdasarkan ayat-ayat *tamthīliyyāt* yang dikenal pasti itu. Ketiga, merumuskan perwatakan ideal pelaku PBI berdasarkan ayat-ayat *tamthīliyyāt* al-Qur'an. Bagi mencapai kesemua objektif tersebut, kajian kualitatif asas (*basic qualitative*) ini mengguna pakai kaedah analisis *mawḍū'iy* (tema atau tajuk). Hasilnya, kajian ini dapat menemukan 26 ayat-ayat *tamthīliyyāt* tentang perwatakan pelaku PBI berdasarkan al-Qur'an. Ia dipilih berpandukan kriteria dan ciri-ciri kriteria ayat al-Qur'an yang telah dibentuk secara tafsir *mawḍū'iy*. Setelah ayat-ayat tersebut dianalisis, dapat dirumuskan bahawa enam perwatakan ideal pelaku PBI berdasarkan *tamthīliyyāt* al-Qur'an ini. Pertama, berakidah; kedua, dermawan; ketiga, beretika; keempat, bermanfaat; kelima, berintegriti dan keenam, berwawasan.

**CHARACTER OF DEVELOPMENT ACTORS BASED ON
TAMTHĪLIYYĀT (PARABLE) IN THE AL-QUR'AN: AN AL-MAWḌŪ'ĪY
INTERPRETATION STUDY**

ABSTRACT

Humans are an important aspect of development. Without humans it would be almost impossible to implement any form of development, either conventional development (CD) or Islamic-based development (IBD). Nevertheless, the human function in both these types of development do differ. Humans in IBD have a specific function, such as being a khalifah (vicegerent or leader) or a subject. When the function differs, surely human character as a development actor will also differ. Hence, what is happening and experienced by development is what happens when actors do not consider the al-Qur'an as a comprehensive guide, which strongly manifests itself in human misconduct or wrongdoing, such as corruption, breach of trust etc. Therefore, the character of an IBD actor should be moulded to encourage humans to practice what is contained in the al-Qur'an and Hadith, which are the sources of divine revelation from Allah SWT. This study explores the language style in the al-Qur'an, which is called *tamthīliyyāt* (parable), that invites humans to think and form an ideal character. Hence, what are the *tamthīliyyāt* verses related to the character of an IBD actor? What are the groups mentioned in the selected *tamthīliyyāt* in the al-Qur'an? How are the characters from *tamthīliyyāt* able to form the ideal character of an IBD actor? Based on these questions, this study tried to examine the ideal character of IBD actors found in the al-Qur'an by applying the *al-mawḍū'iy* interpretation method in order to achieve this study's three objectives. First,

identify the verses that contain *tamthīliyyāt* concerning the character of development actors in the al-Qur'an. Second, analyse the character of development actors based on the identified *tamthīliyyāt* verses. Third, make suggestions regarding the ideal character of a development actor based on the al-Qur'an. This basic interpretative qualitative study applied the *mawḍū'iy* analysis method (theme or title). This study found 26 *tamthīliyyāt* verses pertaining to the character of actors based on the al-Qur'an. It was selected based on criteria and characteristics of the criteria for verses from the al-Qur'an that have been identified through the *mawḍū'iy* interpretation. After the verses were analysed, it was concluded that there are six characters of IBD actors based on *tamthīliyyāt* found in the al-Qur'an, such as a true aqidah, fond of being benevolent, prudent or wise in speech, pose as a benefit to others, be trustworthy, and have a vision in life.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Kajian ini umumnya bertujuan meneliti perwatakan pelaku pembangunan berteraskan Islam (PBI) dalam ayat-ayat *tamthīliyyāt* (perumpamaan) al-Qur'an. Secara lebih khusus pula, kajian ini memfokuskan tiga perkara utama. Pertama, mengenal pasti ayat-ayat al-Qur'an berkaitan perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan *tamthīliyyāt* al-Qur'an; Kedua, menganalisis perwatakan pelaku PBI berdasarkan ayat-ayat *tamthīliyyāt* yang dikenal pasti secara tafsir *al-mawḍū'iy*; dan ketiga, merumuskan perwatakan ideal pelaku PBI dalam al-Qur'an.

Sebagai bab permulaan, bab ini memuatkan perbincangan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi tesis.

1.2 Latar Belakang Kajian

Terdapat dua paradigma pembangunan iaitu paradigma pembangunan lazim (PL) dan pembangunan berteraskan Islam (PBI) (Muhammad Syukri Salleh, 2002:3). Kajian ini bertujuan meneliti paradigma PBI, namun dalam membincangkan berkaitan isu-isu manusia sebagai pelaku pembangunan, kedua-dua paradigma pembangunan ini akan diteliti kerana manusia merupakan pelaku pembangunan dalam kedua-dua paradigma. Hal ini bertujuan untuk menonjolkan perbezaan yang

terdapat dalam perwatakan pelaku PBI dengan perwatakan pelaku PL. Menerusi perbezaan tersebut, bahagian ini akan mengaitkan kepentingan membina perwatakan pelaku PBI mengikut acuan al-Qur'an menerusi *uslūb tamthīliyyāt*. Perwatakan pelaku PBI yang dimaksudkan adalah manusia yang menjalankan aktiviti pembangunan yang bertujuan menjalankan tugas hamba dan khalifah Allah SWT¹.

Latar belakang kajian ini akan membincangkan isu-isu manusia sebagai pelaku pembangunan serta kaitannya dengan *tamthīliyyāt* al-Qur'an. Bahagian ini terbahagi kepada dua subtopik iaitu, pembangunan dan pelakunya serta *tamthīliyyāt* dalam al-Qur'an. Terlebih dahulu akan dijelaskan peranan manusia selaku pelaku pembangunan dalam kedua-dua pembangunan iaitu PL dan PBI. Kemudian, disusuli berkaitan *tamthīliyyāt* dalam al-Qur'an. Keperluan melihat kedua-dua paradigma ini dalam membincangkan peranan pelaku pembangunan akan dihuraikan dengan lebih mendalam pada subtopik 1.2.1 manakala 1.2.2 tumpuan perbincangan adalah berkaitan *tamthīliyyāt* dalam al-Qur'an.

1.2.1 Pembangunan dan Pelakunya

Setiap pembangunan tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa pelakunya (*development actors*). Dalam PBI pelakunya ialah manusia, begitu juga dalam PL. Walau bagaimanapun, fungsi manusia dalam kedua-dua paradigma pembangunan itu berbeza. Manusia dalam PBI berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT manakala manusia dalam PL berfungsi sebagai agen pengeluaran semata-mata. Justeru, perwatakan manusia juga berbeza berdasarkan fungsi manusia tersebut (Nor

¹ Secara terperinci dihuraikan pada bahagian Definisi Operasional (sub-topik 1.6)

Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad, 2013:356 & Sobri Salamon, 1989:75). Pembangunan dalam Islam bersifat komprehensif dan bersepadu iaitu pembangunan yang meliputi pembangunan akhlak, kerohanian dan material. Ia tidak boleh ditinggalkan demi mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi dalam Islam. Pembangunan dijalankan untuk manusia mencapai kesejahteraan dunia dan *falāḥ* dalam kehidupan abadi di akhirat kelak (Joni Tamkin Borhan, 2008:95 dan Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013:360). Justeru, Islam memfokuskan keutamaan pembangunan adalah manusia itu sendiri sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam ayat 61 daripada Surah Hūd (11):

وَالَّذِي تَمْوَدَّ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَاقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ
هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ
رَبِّي قَرِيبٌ مُجِيبٌ ۝

Maksudnya: “Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Ia berkata: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada tuhan bagi kamu selain darinya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta mengkehendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah SWT dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya” (Hūd, 11:61).

Oleh yang demikian, manusia memainkan peranan penting dalam pembangunan yang dianggap tempat sebenar berlakunya aktiviti pembangunan dan ia perlu dibangunkan dengan perwatakan khusus pelaku pembangunan (Nor Sahida Mohamad, Sanep Ahmad, 2013:356). Pelaku pembangunan perlu dibina dalaman yang kuat kerana ia membentuk kekuatan luaran yang mampu mendorong manusia untuk mencapai matlamat dan membangunkan persekitaran fizikal. Perkara ini bermula dengan menyuburkan iman dalam melaksanakan kewajipan yang konsisten

untuk menjaga hubungan dengan Allah SWT sama ada bentuk fardhu 'ain dan kifayah (Joni Tamkin Borhan, 2008:102).

Usaha ini perlu disebabkan persekitaran pembangunan yang masih dominan dengan PL yang menyebabkan PBI terperangkap dalam PL. PL menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:31), mempunyai tiga aspek utama, iaitu:

- a) Manusia diukur dari aspek keupayaan fizikal dan mental semata-mata.
- b) Formula fungsi pengeluaran pembangunan lazim iaitu $P=f(T, M, B, K..n)$. P bermaksud pengeluaran; T bermaksud Tanah; M bermaksud Modal; B bermaksud Buruh; K bermaksud keusahawanan dan n bermaksud faktor-faktor pengeluaran yang lain seperti teknologi, mesin serta baja yang digunakan. Dua faktor pengeluaran iaitu buruh dan usahawan yang terlibat dalam pengeluaran memerlukan kekuatan fizikal, keupayaan, produktif dan akal manusia.
- c) Manusia dalam pengeluaran dikategorikan sebagai *pseudo*-manusia atau manusia fizikal.

PL juga melihat manusia sebagai modal yang perlu dilaburkan bagi memperoleh keuntungan sesebuah majikan. Manusia yang mempunyai potensi dan kebolehan yang boleh dimanfaatkan sebagai modal bagi memperoleh kekayaan (Mohd Fauzi Hamat, 2012:77). Selain itu, manusia sebagai pelaku pembangunan seperti yang dikemukakan oleh Willis (2005:28) mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam kerangka kerja pembangunan. Manusia yang bekerja secara individu

melakukan pembangunan dengan bergantung kepada pendapatan, kelas, gender, umur dan keterlibatan dalam aktiviti sosial akan memberi nilai tambah kepada mereka. Ia juga melihat pembangunan hanya dalam aspek kebendaan dan fizikal sahaja tanpa mengambil kira aspek kemanusiaan dan spiritual. Sesuatu pencapaian dan kejayaan diukur melalui pembangunan lahiriah dan material sahaja tanpa aspek rohani, akhlak dan keimanan (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013:356).

Dalam PL, agama dijadikan alat kepada pembangunan dan bukannya pembangunan menjadi alat kepada agama (Mohd Shukri Hanapi, 2014:2). Perkara utama yang dilihat dalam PL ini adalah tasawur pembangunan yang tidak memiliki nilai tauhid dan agama. Justeru, PL memperjuangkan kejayaan dunia dan aspek fizikal tanpa mengira aspek spiritual khususnya nilai tauhid (Lewis, 1982:10). Perkara-perkara yang berkaitan prinsip-prinsip agama, pendidikan akhlak dan sosial diabaikan (Abd al-Hamid, 1998). Tasawur PL berbeza dengan tasawur PBI berdasarkan lima aspek utama, seperti yang digambarkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Perbezaan Tasawur PBI dengan PL

Aspek Perbezaan	Pembangunan Berteraskan Islam	Pembangunan Lazim
1) Sumber Utama	- Epistemologi Islam (al-Qur'an dan Hadis)	- Hujah akal/rasional - Pengalaman yang boleh ditanggapi pancaindera
2) Elemen asas	- Allah sebagai pencipta - Manusia sebagai makhluk - Sumber alam sebagai makhluk	- Manusia sebagai makhluk ekonomi - Sumber alam terjadi sendiri tanpa pencipta
3) Tunjang	- Elemen tauhid	- Paradigma Pasca-Klasikal dan Radikal
4) Tempoh masa	- Alam roh, dunia dan akhirat	- Kebahagiaan dunia. - Aspek fizikal semata-mata tanpa agama
5) Matlamat akhir	- <i>Mardatillah</i> sebagai ukuran kejayaan	- Keuntungan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi

(Diolah daripada Mohd Shukri Hanapi, 2012)

Jadual 1.1 mempamerkan perbezaan tasawur PBI dengan PL. Ia terdiri daripada lima aspek perbezaan iaitu sumber utama, elemen asas, tunjang, tempoh masa dan matlamat akhir. Tasawur PBI bersumberkan epistemologi Islam iaitu al-Qur'an dan Hadis. Ia juga mempunyai tiga elemen asas iaitu Allah SWT sebagai pencipta, manusia sebagai makhluk dan sumber alam juga sebagai makhluk. Tunjang bagi tasawur PBI ialah nilai tauhid dan tempoh masa pula diambil daripada al-Qur'an merangkumi alam roh, dunia dan akhirat. Aspek terakhir, iaitu matlamat akhir dalam tasawur PBI ialah *marḍatillah* sebagai ukuran kejayaan. Berbeza dengan tasawur PL, sumbernya adalah daripada hujah akal dan rasional serta pengalaman yang boleh ditanggapi pancaindera. Manakala elemen asas PL pula ialah manusia berperanan sebagai makhluk ekonomi dan sumber alam terjadi tanpa pencipta. PL bertunjangkan paradigma pasca-klasikal dan radikal yang akan menimbulkan tanggapan bahawa selagi manusia bertunjangkan tauhid dan mengamalkan agama, maka jiwa manusia akan menderita. Tempoh masa bagi PL pula, kebahagiaan dan kejayaan dunia manakala matlamat akhir pula semata-mata keuntungan dan pertumbuhan peningkatan ekonomi tanpa mengambil kira *marḍatillah* dan kejayaan akhirat (Mohd Kamal Hassan, 1988; Fadzila Azni Ahmad, 2008 dan Mohd Shukri Hanapi, 2017).

Aspek tasawur merupakan aspek terpenting yang mendasari perbezaan antara PBI dan PL. Manusia selaku pelaku pembangunan yang mempunyai tasawur Islam akan menjalankan fungsi khusus iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dengan baik. Tasawur PBI mempunyai nilai tauhid yang kuat untuk membina pelaku PBI yang bertakwa dalam mendepani isu-isu pembangunan yang ada.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa manusia sebagai pelaku pembangunan dalam perspektif lazim adalah bersifat luaran serta mementingkan keupayaan dan kemahiran fizikal yang memberi peluang dan ganjaran dalam aspek pembangunan ekonomi semata-mata. Semakin berpotensi manusia tersebut memberi sumbangan dalam pembangunan, maka manusia tersebut akan diberi ganjaran yang baik walaupun terpaksa mengerah seluruh tenaga bagi memenuhi keperluan pengeluaran dan mencapai keuntungan semata-mata (Mohd Shukri Hanapi, 2014:3 & Surtahman Kastin Hasan, 2001:45). Ini terjadi kerana manusia dalam PL tidak dibangunkan dengan tasawur yang sebenar. Asas tauhid yang membentuk manusia supaya menjadi pelaku pembangunan yang mempunyai tasawur Islam yang. Sedangkan dalam PL menolak aspek tauhid dan tidak menjadikan agama sebagai tunjang dalam pembangunan. Aspek tauhid menjadi pemangkin tasawur Islam dalam pembangunan manusia dan ia mirip dengan pelaku pembangunan dalam PBI (Ahmad Munawar Ismail & Kamarul Azmi Jasmi, 2016:29; Abang Mohd Razif Abang Muis, Mohd Syahmir Alias, Musmuliadi Kamaruding & Mohammad Zulfakhairi Mokthar, 2018:43).

Selanjutnya lagi, pelaku pembangunan meyakini alam penyaksian yang menjadi asas pegangan tauhid yang tidak ada dalam PL. Alam roh tersebut dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam ayat 172 daripada Surah al-A‘rāf (7):

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ۗ

Maksud: “Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah SWT mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): “Bukankah Aku ini Tuhanmu?” Mereka menjawab: “Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi”. (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah

orang-orang yang lengah terhadap ini (keEsaan Tuhan)” (al-A‘rāf, 7:172).

Ayat ini jelas membuktikan bahawa manusia ketika berada dalam alam roh telah mengakui Allah SWT adalah Tuhan dan mereka selaku hamba-Nya. Roh merupakan intipati kejadian manusia dan apabila dilahirkan ke dunia, roh tersebut berada dalam jasad (tubuh badan) manusia. Untuk memahami perkara yang dimaksudkan dengan roh ialah melalui firman Allah SWT dalam ayat 85 daripada Surah al-Isrā’ (17):

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ۝

Maksud: “Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja” (al-Isrā’, 17:85).

Walaupun roh adalah urusan Allah SWT, tetapi Allah SWT berikan sedikit ilmu tentangnya melalui para ulama. Roh terbahagi kepada dua bentuk, iaitu *rūḥ al-hayāt* dan *rūḥ al-tamayyiz* (Sa‘īd Hawwā, 1999:105). *Rūḥ al-hayāt* merupakan nyawa yang dimiliki oleh setiap makhluk yang hidup manakala *rūḥ al-tamayyiz* yang menjadi saksi di alam roh bahawa Allah SWT adalah Tuhan dan manusia adalah hamba-Nya. *Rūḥ al-tamayyiz* akan kembali menghadap Allah SWT untuk dihisab dan diadili, sama ada menerima ganjaran baik (syurga) atau ganjaran jahat (neraka) di akhirat kelak (Muhammad Syukri Salleh, 2003:28).

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:14) lagi, dalam melalui kehidupan alam dunia, *rūḥ al-tamayyiz* memainkan peranan yang penting. Ia mempunyai fungsi yang berbeza mengikut situasi. Apabila berfikir ia dipanggil akal, dipanggil *qalb* atau hati apabila berperasaan dan dipanggil nafsu apabila berkeinginan atau berkehendak. Perumpamaan yang boleh dikaitkan dengan *qalb* yang merupakan raja dan ketua

dalam sesebuah kerajaan iaitu diri manusia, manakala akal dan nafsu bertindak sebagai rakyat dalam kerajaan tersebut. *Qalb* merupakan tapak iman. Apabila iman berada ditahap yang tinggi, maka benarlah pemerintahannya sebaliknya apabila iman ditahap yang rendah, maka batillah pemerintahannya. Selain itu, sekiranya tahap iman menurun kuasa *qalb* akan dirampas oleh nafsu jahat. Apabila nafsu mengambil alih pemerintahan *qalb*, maka rosaklah diri manusia.

Iman mempunyai peringkatnya yang tersendiri. Menurut para ulama, terdapat lima peringkat iman iaitu iman *taqlīd*, iman *'ilm*, iman *'ayān*, iman *ḥaqq* dan iman *ḥaqīqat* (Sa'id Hawwa, 1999:35). Peringkat yang paling bawah ialah iman *taqlīd* (iman manusia yang mengikut tanpa ilmu), seterusnya iman *'ilm* (iman manusia yang mempelajari dan mempunyai ilmu). Kedua-dua tahap iman ini dikategorikan lemah dan tidak mampu menjadi pemerintah untuk diri sendiri. Selanjutnya, untuk menjadikan *qalb* sebagai pemerintah dan penguasa diri, manusia mesti mempunyai sekurang-kurangnya iman *'ayān*. Namun, adalah lebih baik memiliki iman yang tinggi iaitu tahap iman *ḥaqq* dan iman *ḥaqīqat* yang dimiliki oleh orang-orang soleh.

Selain itu, iman mempunyai hubungan yang rapat dengan nafsu. Nafsu mempunyai tujuh peringkat iaitu nafsu *'ammārat*², nafsu *lawwāmat*³, nafsu

² Nafsu *'ammārat* iaitu yang rendah dan jahat. Nafsu yang berani melakukan kejahatan serta terdapat dalamnya sifat-sifat mazmumah seperti degil, sombong, angkuh, ego berani membuat maksiat dan berbangga dengan kejahatan yang dilakukannya (Muhammad Hasan, 2012:5 & Shuib Sulaiman, 2011:24).

³ Nafsu *lawwāmat* iaitu nafsu yang sudah sedar dan insaf tetapi masih lemah dan sering terpengaruh dengan dorongan nafsu. Nafsu ini sering mengkritik diri ataupun menyalahkan diri (Muhammad Hasan, 2012:5 & Shuib Sulaiman, 2011:24).

*mulhamat*⁴, nafsu *mutma'innat*⁵, nafsu *rāḍiyat*⁶, nafsu *marḍiyyat*⁷ dan nafsu *kāmilat*⁸.

Kategori nafsu jahat ialah nafsu '*ammārat*, *lawwāmat* dan *mulhamat* manakala nafsu yang baik pula peringkat nafsu yang baik pula ialah nafsu *mutma'innat*, *rāḍiyat*, *marḍiyyat* dan *kāmilat*.

Apabila iman manusia berada pada peringkat *taqlīd* dan '*ilm*, maka nafsu manusia tersebut mestilah berada pada peringkat '*ammārat*, *lawwāmat* dan *mulhamat*. Apabila iman manusia pada peringkat '*ayān*, *ḥaqq* dan *ḥaqīqat*, maka nafsu hendaklah berada pada peringkat *mutma'innat*, *rāḍiyat*, *marḍiyyat* atau *kāmilat*. Secara ringkasnya, nafsu jahat akan menguasai diri apabila peringkat iman yang lemah dan nafsu yang jahat. Selaku pelaku pembangunan perlu memiliki iman yang tinggi serta nafsu yang baik untuk mentadbir pembangunan seiring dengan *marḍat Allāh* dan menjalankan fungsi sebenar selaku pelaku pembangunan (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Justeru, manusia selaku pelaku PBI yang memiliki iman yang teguh serta nafsu yang membimbing ke arah kebaikan perlu dibina.

⁴ Nafsu *mulhamat* iaitu nafsu yang berada pada peringkat peralihan antara nafsu lawwamah dan mutmainnah. Kedudukan nafsu ini tidak tetap. Kadang-kadang naik kepada mutmainnah dan adakalanya terjatuh kepada lawwamah (Muhammad Hasan, 2012:5 & Shuib Sulaiman, 2011:24).

⁵ Nafsu *mutma'innat* adalah nafsu yang jinak dan tunduk dengan maksud nafsu yang tenang. Ia disebut juga sebagai *qalb al-salīm* iaitu hati yang selamat sejahtera. Hati yang tetap dengan Allah SWT. Hati yang tidak goyah oleh kejahatan ataupun dorongan nafsu bertaraf rendah. Nafsu ini tiada keinginan kepada maksiat kerana hatinya sentiasa bersih daripada sifat keji dan subur sifat terpuji (Muhammad Hasan, 2012:5 & Shuib Sulaiman, 2011:24).

⁶ Nafsu *rāḍiyat* adalah nafsu yang merujuk kepada sifat reda. Reda ialah menerima dengan rela dan sepenuh hati apa sahaja yang datang daripada Allah SWT sama ada hukum hakam, syariat, peraturan ataupun qada' dan qadar Allah SWT (Muhammad Hasan, 2012:5 & Shuib Sulaiman, 2011:24).

⁷ Nafsu *marḍiyyat* adalah apa yang Allah SWT reda ke atas mereka dan mereka reda kepada Allah SWT (Muhammad Hasan, 2012:5 & Shuib Sulaiman, 2011:24).

⁸ Nafsu *kāmilat* adalah nafsu yang dimiliki oleh para rasul dan nabi. Nafsu ini sempurna iaitu kemahuan dan keinginan hanya kepada Allah SWT semata-mata (Muhammad Hasan, 2012:5 & Shuib Sulaiman, 2011:24).

Situasi yang dapat dilihat di Malaysia, sebagaimana dalam Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan. Oleh itu, umat Islam perlu dibangunkan dengan acuan Islam dan mengamalkan cara hidup yang Islam gariskan. Menurut Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad (2013:356) apabila individu dapat dibina atas dasar Islam akan membentuk masyarakat Islam secara kolektif. Justeru itu, apabila masyarakat dapat memiliki tasawur pembangunan Islam maka, akan dapat membentuk suasana harmoni dan aman damai serta berpegang teguh kepada tauhid. Amat penting untuk memiliki tasawur pembangunan Islam, namun persoalannya bagaimana pendekatan untuk membantu seseorang atau lebih khusus lagi, dalam kajian ini iaitu pelaku pembangunan untuk memiliki tasawur pembangunan Islam? Salah satu cara adalah melalui *uslūb tamthīliyyāt* al-Qur'an⁹.

Situasi dewasa ini menunjukkan sebaliknya terutama dalam suasana di Malaysia. Apabila manusia tidak takutkan Allah SWT dan tidak meyakini kehidupan setelah mati, maka manusia mudah terjerumus dalam perkara yang ditegah oleh Allah SWT. Sifat tamak yang mendominasi manusia membuatkan manusia sanggup melakukan perbuatan rasuah. Terdapat banyak isu yang melibatkan pelaku pembangunan, antaranya adalah rasuah. Isu ini amat parah kerana ia melibatkan pelaku pembangunan yang mentadbir negara dan diberikan kepercayaan sepenuhnya. Perkara ini dilihat hasil daripada manusia yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan yang tidak mempunyai perwatakan pelaku pembangunan. Manusia yang menjalankan fungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT perlu mempunyai sifat perwatakan khusus supaya selari dengan tuntutan Islam. Walau bagaimanapun,

⁹ Tujuan *tamthīliyyāt* al-Qur'an adalah untuk menjadi peringatan, nasihat, larangan, pengajaran dan juga untuk memudahkan akal memahami isi kandungan ayat tersebut dalam bentuk yang dapat difahami oleh manusia (Ibn al-Qayyim, t.th:9).


apabila isu rasuah yang dibangkitkan dapat memberi gambaran bahawa manusia yang terlibat dalam pembangunan masih menjalankan tasawur yang dicorakkan oleh pembangunan lazim serta tidak mempunyai sifat-sifat perwatakan sebagai manusia PBI.

Isu rasuah merupakan satu isu universal, ia tidak terlepas berlaku dalam Negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan Great Britain yang merujuk kepada isu rasuah politik. Di AS, kes yang paling diingati ialah yang berlaku pada bekas Presiden Amerika iaitu Bill Clinton yang telah dikaitkan dengan *white water scandal* dalam pemilihan sebagai presiden pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, di Malaysia juga turut berlaku isu rasuah yang melibatkan manusia yang terlibat dalam aktiviti pembangunan.

Pada tahun 2017-2018, menurut laporan akhbar tempatan, agensi penguatkuasa yang sering dikaitkan dengan aktiviti rasuah di Malaysia ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). PDRM dan JIM banyak terlibat dengan isu rasuah yang berkaitan isu pengambilan pendatang asing tanpa izin (PATI). Selanjutnya, JKDM pula kebanyakannya melibatkan kes salah guna kuasa anggota serta pegawai JKDM yang berlaku di pintu-pintu masuk utama negara selain bahagian taksiran barang-barang dan pemeriksaan penumpang (Ahmad Nasyran Azrae, Hairuddin Megat Latif & Khadijah Mohamed, 2018).

Walaupun bagaimanapun, fakta yang telah dikemukakan ini memberi satu gambaran tentang bagaimana perwatakan pelaku pembangunan dalam sesebuah

negara maju yang menjalankan aktiviti pembangunan masih berada pada tahap yang perlu dirawat. Statistik terkini daripada SPRM juga menunjukkan kadar tangkapan kes rasuah di Malaysia sekitar lima tahun ini sebagaimana dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Statistik Tangkapan Rasuah di Malaysia¹⁰

Rajah 1.1 menunjukkan jumlah tangkapan rasuah di Malaysia yang melibatkan dua kategori; Pertama, penjawat awam yang terdiri daripada sektor pengurusan tertinggi, Pengurusan Awam dan profesional serta sokongan. Kedua, swasta yang terdiri daripada orang awam dan lain-lain. Menurut Laporan Statistik Jenayah Malaysia 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), ia merekodkan peningkatan 24.7 peratus kepada 1,039 kes pada 2019 berbanding 833 kes pada 2018.

Terdapat beberapa faktor dalaman yang mendorong manusia terlibat dengan rasuah iaitu sikap mengabaikan nilai dan tuntutan agama, pentingkan diri sendiri, ingin hidup mewah melebihi kemampuan dan sifat tamak (Enida Daud, 2019:11). Ia

¹⁰ Sumber: <https://www.sprm.gov.my/penguatkuasaan/statistik-operasi/statistik-tangkapan?id=3594> (diakses pada 10 Oktober 2021).

juga berpunca daripada dorongan nafsu jahat yang mengajak manusia melakukan perkara yang ditegah oleh syarak.

Selain isu rasuah yang melibatkan pelaku pembangunan, isu bunuh diri juga tidak kurangnya untuk diberi perhatian. Akhbar Berita Harian (September 2021) ada melaporkan peningkatan sebanyak 143 peratus kes bunuh diri yang dilaporkan pada bulan Januari hingga Julai tahun ini. Pada tahun ini, sebanyak 638 kes berbanding tahun lepas 262 kes. Peningkatan tersebut kemungkinan berpunca daripada tekanan hidup dan jiwa dalam mendepani situasi COVID-19 yang sangat memberi impak kepada kesihatan mental setiap individu dan masyarakat Malaysia.

Selain itu, faktor sosial yang menyebabkan tekanan yang melampau antaranya, kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan serta isolasi daripada sokongan keluarga juga boleh menjadi faktor kepada individu yang berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental termasuk kemurungan. Justeru, jika gagal dirawat dengan baik, akan berlaku cubaan bunuh diri.

Berdasarkan permasalahan ini, didapati fungsi dan perwatakan khusus manusia dalam aspek pembangunan kurang diketengahkan. Manusia perlu memahami peranan yang telah diberikan oleh Allah SWT dalam aspek kehidupan bagi mencapai matlamat akhir iaitu *marḍat Allāh*. Perwatakan khusus manusia yang memiliki dalaman yang kuat perlu dibina serta menjadikan fungsi hamba dan khalifah Allah SWT sehati dalam diri pelaku pembangunan. Timbul persoalan, bagaimana perwatakan pelaku pembangunan ini patut dibina? Jawapan kepada persoalan ini dijelaskan dalam sub topik 1.2.2.

1.2.2 *Tamthīlyyāt* Perwatakan Pelaku PBI

Perbezaan antara perwatakan pelaku pembangunan PBI dengan PL juga dijelaskan dalam al-Qur'an terutama dalam ayat-ayat yang bersifat perumpamaan. Ia juga menyentuh perkara berkaitan manusia dan perwatakannya menerusi ayat-ayat *ṣarih* (jelas) dan bentuk *tamthīlyyāt* (perumpamaan). Perkara ini ada dijelaskan dalam ayat 27 daripada Surah al-Zumar (35) dan ayat 89 daripada Surah al-Isrā' (17) berkaitan ayat *tamthīlyyāt*:

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ^{٢٧}

Maksud: “Dan demi sesungguhnya! Allah telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai mithal perbandingan dalam al-Qur'an ini, supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran” (al-Zumar, 35:27).

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَى أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا^{٨٩}

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah menerangkan berulang-ulang kepada manusia, dalam al-Qur'an ini, berbagai contoh perbandingan (yang mendatangkan iktibar); dalam pada itu, kebanyakan manusia tidak mahu menerima selain kekufuran” (al-Isrā', 35:89).

Kajian ini mengambil peluang untuk menjadikan *tamthīlyyāt* sebagai satu panduan dalam membina perwatakan ideal pelaku PBI. Perkara ini dikaji dan dianalisis dengan menggunakan kaedah tafsir *al-mawḍū'i'y* yang melihat keseluruhan *tamthīlyyāt* yang berkaitan dengan manusia. Kaedah ini merupakan cara mengkaji dan mempelajari ayat al-Qur'an dengan menghimpunkan ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai maksud yang sama dan menyusunnya berdasarkan kronologi serta *asbāb al-nuzūl* ayat tersebut. Selanjutnya, pengkaji tersebut perlu menganalisis dan memperincikan serta membuat kesimpulan hasil dapatan yang ada. Pembinaan perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan al-Qur'an ini kerana al-Qur'an merupakan sumber epistemologi Islam bahkan yang paling utama.

Sebagai rumusan, kajian perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan *tamthīliyyāt* dalam al-Qur'an secara tafsir *al-mawḍū'iy* ini merupakan salah satu usaha untuk memperkembangkan lagi kajian berhubung kait perwatakan pelaku pembangunan dalam al-Qur'an dan kajian tafsir *al-mawḍū'iy* pada masa ini. Seterusnya, kajian ini akan dapat membina struktur perwatakan pelaku pembangunan yang ideal, komprehensif dan holistik.

1.3 Pernyataan Masalah

Sebagaimana yang dijelaskan dalam latar belakang kajian sebelum ini, manusia merupakan aspek penting dalam konteks PBI dan PL kerana manusia terlibat secara langsung dalam agenda pembangunan. Namun, dalam PL manusia dianggap sebagai 'manusia ekonomi' apabila tugas sosial yang diberikan adalah untuk meningkatkan keuntungan semata-mata dengan menggunakan sepenuh tenaga bagi mencapai keinginan nafsu. Selain itu, PL mendidik manusia supaya memisahkan ajaran agama dalam pembangunan (M. Umer Chapra, 2001:19 & Mohd Shukri Hanapi, 2014:4).

Manusia yang terlibat dalam PBI perlu mempunyai tasawur dalam membentuk kerangka kerja masing-masing. Tasawur inilah yang mencorakkan segala tindakan yang dilakukan oleh manusia sebagai pelaku PBI. Jika tasawur manusia ini terbentuk daripada acuan tasawur dan epistemologi Islam, maka perwatakan dan gerak kerja serta cara berfikir akan menjurus ke arah nilai-nilai yang Islam kehendaki dan sebaliknya juga.

Manusia sebagai pelaku pembangunan telah disebutkan oleh sarjana Barat seperti Karl Marx (1867) berkaitan konsep *labor power* iaitu para pekerja perlu memerah keringat bagi memenuhi kehendak majikan (Abdul Rahman Ahmad, 2006:9). Kebolehan dan kepakaran pekerja menjadi ukuran dalam menilai kualiti seseorang. Hal sedemikian telah ditanam dalam kerangka pemikiran lazim dalam menilai kualiti manusia sebagai pelaku pembangunan. PL turut melihat manusia dengan kadar pulangan pelaburan kepada sesebuah organisasi. Justeru, kelebihan fizikal yang dimiliki oleh manusia akan memberi pulangan yang hebat dan tinggi berbanding manusia lain (Erich Fromn, 2001:20 & Hamidi Mamat, 1995:44).

Selanjutnya, keunggulan manusia dalam PBI dilihat melalui keperibadian yang dimiliki dalam konteks melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi meningkatkan kemakmuran untuk manusia dan alam keseluruhannya (Abdul Rahman Ahmad, 2006:21). Fokus utama dalam membina perwatakan manusia ialah tidak mengetepikan tujuan utama penciptaan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Walau bagaimanapun, manusia sebagai pelaku PBI tidak boleh melaksanakan pembangunan yang dicorakkan oleh tasawur dan epistemologi lazim. Dalam melaksanakan PBI, akar umbi yang bertunjangkan tasawur dan epistemologi lazim perlu dirombak supaya kelangsungan PBI dapat dijalankan dengan konsisten. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Muhammad Syukri Salleh (1990a:x), PBI yang dijalankan perlu melalui pembungkahan dari akar umbinya termasuk falsafah dan operasionalnya. Sebaliknya, apabila dalam tasawur Islam itu manusia berfungsi sebagai khalifah Allah SWT, maka mereka berinteraksi sesama manusia dan sumber

alam dengan penuh rasa tanggungjawab, amanah, berakhlak, dan beretika yang sesuai dengan peranan mereka sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Dalam hal ini, mereka sentiasa menghubungkan diri mereka dengan sesama manusia dan sumber-sumber alam (*habl min al-nas*).

Menurut Sukki Othman (2015:124) aspek perwatakan ini juga terdapat dalam al-Qur'an. Keunikan wahyu Allah SWT ini dibuktikan dengan *tamthīliyyāt* yang memperihalkan perwatakan manusia. Ia juga merupakan salah satu pengajaran supaya lebih menarik perhatian sesuatu perkara melalui analogi yang membuatkan manusia berfikir. *Tamthīliyyāt* juga dapat menonjolkan makna-makna dalam bentuk realiti dalam fikiran dengan menyamakan suatu perkara ghaib dengan alam realiti. Sebagai contoh, al-Qur'an membuat perumpamaan manusia yang bergantung kepada selain Allah SWT seperti labah-labah yang percaya akan sarangnya semata-mata. Golongan musyrik mengambil berhala atau makhluk lain sebagai tuhan dan tempat meminta bantuan sedangkan makhluk tersebut lemah dan tidak mempunyai sebarang kuasa.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan sebelum ini, secara umumnya kajian ini bertujuan meneliti dan mengkaji perwatakan pelaku pembangunan dalam *tamthīliyyāt* al-Qur'an. Objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti ayat-ayat yang mempunyai *tamthīliyyāt* tentang perwatakan pelaku pembangunan dalam al-Qur'an.

2. Menganalisis perwatakan pelaku PBI berdasarkan ayat-ayat *tamthīliyyāt* yang dikenal pasti itu.
3. Merumuskan perwatakan ideal pelaku PBI berdasarkan ayat-ayat *tamthīliyyāt* al-Qur'an.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk mencapai kesemua objektif yang ditetapkan itu, kajian ini mengemukakan beberapa persoalan berhubung ayat-ayat perwatakan pelaku pembangunan dalam *tamthīliyyāt* al-Qur'an beserta tafsiran dan huraianya. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah ayat-ayat al-Qur'an yang membincangkan *tamthīliyyāt* perwatakan pelaku pembangunan?
- ii. Apakah jenis-jenis *tamthīliyyāt* yang terkandung dalam al-Qur'an?
- iii. Apakah elemen-elemen *tamthīliyyāt* perwatakan pelaku pembangunan yang terdapat dalam al-Qur'an?
- iv. Bagaimanakah *tamthīliyyāt* yang berkaitan perwatakan pelaku PBI diterangkan dalam al-Qur'an?
- v. Mengapakah *tamthīliyyāt* yang berkaitan perwatakan pelaku PBI diterangkan sedemikian dalam al-Qur'an?
- vi. Apakah perwatakan ideal pelaku PBI berdasarkan al-Qur'an?

Kesemua objektif dan persoalan kajian yang telah dinyatakan dapat digambarkan dengan lebih jelas dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Hubungkait Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian

Bil.	Objektif Kajian	Bil.	Persoalan Kajian
1.	Mengenal pasti ayat-ayat yang mempunyai <i>tamthīliyyāt</i> tentang perwatakan pelaku pembangunan dalam al-Qur'an.	i. ii. iii.	Apakah ayat-ayat al-Qur'an yang membincangkan tentang <i>tamthīliyyāt</i> perwatakan pelaku pembangunan? Apakah jenis-jenis <i>tamthīliyyāt</i> yang terkandung dalam al-Qur'an? Apakah elemen-elemen <i>tamthīliyyāt</i> perwatakan pelaku pembangunan yang terdapat dalam al-Qur'an?
2.	Menganalisis perwatakan pelaku PBI berdasarkan ayat-ayat <i>tamthīliyyāt</i> yang dikenal pasti itu.	iv. v.	Bagaimanakah <i>tamthīliyyāt</i> yang berkaitan perwatakan pelaku PBI diterangkan dalam al-Qur'an? Mengapakah <i>tamthīliyyāt</i> yang berkaitan perwatakan pelaku PBI diterangkan sedemikian dalam al-Qur'an?
3.	Merumuskan perwatakan ideal pelaku PBI berdasarkan ayat-ayat <i>tamthīliyyāt</i> al-Qur'an.	vi.	Apakah perwatakan ideal pelaku PBI berdasarkan al-Qur'an?

Jadual 1.2 ini mempamerkan bahawa untuk mencapai objektif kajian yang pertama, terdapat tiga persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu persoalan i, ii dan iii. Untuk mencapai objektif yang kedua pula, terdapat dua persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu persoalan iv dan v, manakala untuk objektif yang ketiga pula, terdapat satu persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu persoalan vi.

1.6 Definisi Operasional

Terdapat lima kata kunci utama dalam kajian ini. Kata-kata kunci yang dimaksudkan ialah pertama perwatakan; kedua, PBI; ketiga, pelaku PBI; keempat, *tamthīliyyāt*; dan kelima, tafsir *al-mawḍū'iy*. Tujuannya adalah untuk menjelaskan

maksud yang diguna pakai dalam kajian ini. Perbincangan berkaitan keempat-empat kata kunci tersebut dibincangkan dalam subtopik 1.6.1 hingga 1.6.4

1.6.1 Perwatakan

Perwatakan didefinisikan dari sudut pendidikan menurut Vishalache Balakrishnan (2009:2) sebagai moral yang berasal daripada perkataan Latin '*mores*' yang bermaksud cara. Selain itu, dalam bahasa Latin juga '*moralitas*' bererti cara, perwatakan dan tingkah laku yang diterima. Semua konsep ini merujuk kepada konsep tingkah laku manusia sama ada baik atau buruk.

Bagi Zainal Madon & Mohd Sharani Ahmad (2005:13) definisi perwatakan dalam konteks psikologi pula bermaksud personaliti atau tingkah laku seseorang. Secara lebih khusus lagi, ia merupakan penyusunan sistem psiko fizikal yang komprehensif dalam diri manusia yang mempunyai hubungan dengan alam sekeliling. Al-Ghazāliy (2010:334) pula menyatakan perwatakan merujuk kepada keperibadian, tingkah laku, akhlak, perangai seseorang yang terhasil daripada faktor dalaman dan luaran individu. Selain itu, Ibn Miskawaih (1966:21) pula menyatakan perwatakan dikatakan sebagai tindakan yang mendorong untuk melakukan perkara yang baik tanpa perlu pertimbangan akal.

Perbezaan ketara dalam mendefinisikan perwatakan adalah dalam konteks penulisan novel. Perwatakan yang dimaksudkan oleh Sulaiman Masri, Abdullah Yusof & Mohd Ra'in Shaari (2000:446) dengan teknik pengarang dalam menggambarkan dan melukis sesuatu watak. Watak iaitu manusia yang menjadi

fokus jalan cerita novel tersebut akan memiliki perwatakan yang tersendiri bagi menghidupkan penulisan novel tersebut. Perwatakan tersebut berubah-ubah mengikut idea pengarang.

Selanjutnya, dalam psikologi pendidikan pula istilah perwatakan membawa maksud personaliti atau keperibadian serta sahsiah seseorang manusia. Namun, perkataan personaliti berasal daripada Latin (*persona*) yang bermaksud topeng muka yang digunakan oleh pelakon-pelakon Yunani di pentas teater. Ia dipakai mengikut kesesuaian watak yang dibawa oleh para pelakon.

Walaupun bagaimanapun, definisi perwatakan yang telah dikemukakan oleh al-Ghazāliy (2010) dilihat memenuhi maksud yang kajian ini kehendaki. Justeru, perwatakan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah ciri-ciri khusus atau keperibadian yang dibentuk dari dalaman diri manusia itu sendiri. Ia melibatkan kesepaduan antara aspek luaran dan dalaman manusia.

1.6.2 Pembangunan Berteraskan Islam (PBI)

Terdapat sekurang-kurangnya, enam penulis yang telah mengemukakan definisi PBI. Antaranya ialah Joni Tamkin (2008), Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), Ab. Aziz Yusof (2012), Aidit Ghazali (1990), Muhammad Qutb (1994) dan Muhammad Syukri Salleh (2003). Pendapat yang dikemukakan adalah lebih bersifat holistik dan komprehensif yang menggabungkan aspek material dan spiritual dalam memberi definisikan pembangunan itu sendiri.

PBI yang dibincangkan oleh Joni Tamkin Borhan (2008) merujuk kepada PBI yang bersifat *multi-dimensional* (banyak dimensi) iaitu pembangunan yang seimbang antara faktor fizikal dengan spiritual antara dalaman dengan luaran serta antara kuantitatif dengan kualitatif. Menurut beliau, terdapat dua aspek penting yang terkandung dalam konteks pembangunan iaitu penggunaan yang maksima oleh manusia terhadap sumber alam dan kaedah pengagihan sumber secara adil. Walau bagaimanapun, penekanan konsep syukur dan membuang sifat kufur amat ditekankan dalam konteks pengagihan sumber alam tersebut. Perkara ini mempunyai persamaan secara tidak langsung dengan konsep yang digunakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2002:48) dalam konteks falsafah keadilan dalam pengagihan sumber. Konsep keadilan ini akan wujud apabila manusia mempertahankan rahmat sekalian alam tanpa menderhakai Allah SWT.

Sehubungan itu, pembangunan merupakan aspek yang cukup komprehensif dan lengkap dalam menggabungkan elemen-elemen yang diperlukan bagi membentuk kemajuan yang berjaya sama ada di dunia mahupun di akhirat. Menurut Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005:320) dan Ab. Aziz Yusof (2012:24), PBI meletakkan manusia sebagai tumpuan dalam proses ekonomi. Peranan manusia dinilai dari segenap aspek keupayaan mereka melakukan sesuatu pekerjaan serta potensi manusia dalam membangunkan kerohanian. Manusia bukan sahaja melakukan pembangunan, malahan turut mempunyai tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan oleh Allah SWT. Oleh itu, PBI yang dimaksudkan adalah merangkumi pembangunan jasmani dan rohani.

Hal tersebut juga turut disokong oleh Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005:323) bahawa erti pembangunan adalah apabila berjaya membangunkan manusia dan persekitaran fizikal serta sosiobudaya. Bukan sahaja faktor fizikal diambil kira seperti sumber fizikal, modal, buruh, organisasi dan pendidikan, malahan faktor kemanusiaan turut diseimbangkan. Antara faktor kemanusiaan tersebut adalah sikap, insentif, rasa dan aspirasi yang menjadi faktor kekuatan sesebuah pembangunan yang dijalankan.

Terdapat lima asas falsafah yang digunakan oleh Islam dalam sesuatu pembangunan menurut Aidit Ghazali (1990:22), iaitu tauhid (keesaan Allah SWT), *Rububiyyat* (Allah SWT yang menciptakan seluruh alam ini), *khilafah* (status manusia sebagai pentadbir alam yang dipilih oleh Allah SWT), *tazkiyat* (penyucian jiwa yang menjadi agenda para Rasul dan Nabi dalam membawa risalah Allah SWT kepada manusia) dan *al-falāḥ* (kejayaan di dunia dan di akhirat). Muhammad Quṭb (1994:1) turut bersetuju dalam menyatakan konsep *tazkiyat al-nāfs* sebagai salah satu elemen penting dalam pembangunan. Hal ini bererti pembangunan yang sedang dilakukan adalah bermula dari dalam diri manusia yang mesti mewujudkan kebaikan dan menyuburkan kebaikan tersebut sehingga mampu memberikan pengaruh kepada manusia lain. Manusia perlu mengekang diri daripada melakukan kejahatan dan kemaksiatan supaya proses pembangunan mendapat rahmat dan perlindungan daripada Allah SWT.

Selanjutnya, konsep PBI ada dibina oleh Muhammad Syukri Salleh (2003:13) beracukan tasawur dan epistemologi Islam. Beliau menyangkal PBI yang dilakukan pada masa kini yang masih menggunakan tasawur dan epistemologi